

Selangor catat nilai pelaburan tertinggi

Negeri ini merekod nilai pelaburan diluluskan tertinggi dalam suku pertama tahun ini iaitu sebanyak RM33.5 bilion. Pencapaian tersebut hampir 40 peratus daripada keseluruhan RM83 bilion pada tahun lalu.

Kerajaan Negeri juga yakin mampu mencapai sasaran RM60 bilion nilai pelaburan pada akhir tahun meskipun berdepan krisis ekonomi global dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

"Saya harap momentum ini dapat dikekalkan dan kita perlu pantau supaya Selangor kekal sebagai tempat pelaburan terbaik. Dalam masa sama menawarkan peluang pekerjaan yang banyak."

**Dato' Menteri Besar
Dato' Seri Amirudin Shari**

MUKA 3



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mendengar penerangan Habib Hassan Al Attas tentang Masjid Ba'alwie sempena lawatan kerja ke Singapura selama tiga hari bawah program S R Nathan Fellowship pada 8 Jun 2026. Turut dipamerkan artifak lama seperti manuskrip al-Quran berusia lebih 600 tahun, pakaian, kain mimbar dan kasut. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ► BERITA MUKA 2

EDISI PIALA DUNIA 2026

- Konflik AS-Iran berlarutan ke padang bola?
- Mengimbau sisi gelap Piala Dunia 2002
- Evolusi peraturan cetus kontroversi?

KISAH MENARIK MUKA 4-15

IMBAS QR UNTUK PANDUAN SIARAN LANGSUNG 104 PERLAWANAN

A graphic featuring the FIFA World Cup trophy and a soccer ball with the FIFA logo. The background shows a large stadium filled with spectators during a match.



Pastikan kelestarian hidup rakyat

RS-2 tumpu pembangunan luar bandar

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SINGAPURA - Rancangan Selangor Kedua (RS-2) yang bakal dibentang tidak lama lagi memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar termasuk Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Dato' Menteri Besar memberitahu agenda pembangunan lima tahun hingga 2030 itu bertujuan memacu pertumbuhan ekonomi dan memastikan kesejahteraan serta kelestarian kehidupan rakyat.

Dato' Seri Amirudin Shari juga percaya RS-2 akan menjadi nadi pertumbuhan ekonomi negeri sekali gus berupaya menjamin kehidupan penduduk setempat dengan lebih selesa.

"Tumpuan tidak lagi kepada kawasan seperti Subang, Klang dan Petaling Jaya. Kita bangunkan Hulu Selangor. Satu lagi syarikat automotif dari China akan datang melabur jadikan kawasan itu lebih pesat. Hulu Selangor sudah ada UMW Aerospace Sdn Bhd dan Perodua.



Tumpuan tidak lagi kepada kawasan seperti Subang, Klang dan Petaling Jaya. Kita bangunkan Hulu Selangor. Satu lagi syarikat automotif dari China akan datang melabur jadikan kawasan itu lebih pesat. Hulu Selangor sudah ada UMW Aerospace Sdn Bhd dan Perodua. Kuala Selangor pun dalam fokus. Kita bangunkan jajaran rel kereta api

"Kuala Selangor pun dalam fokus. Kita bangunkan jajaran rel kereta api. Sekarang sudah sampai (jajaran) Klang. Lepas ini kita bincang untuk hubungan kawasan Selatan Selangor ke pusat untuk hidupan lagi negeri ini,"katanya kepada Media Selangor.

Beliau berkata demikian dalam sesi ramah mesra bersama Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura serta pe-

lajar universiti yang sedang menuntut di republik berkenaan pada 9 Jun.

Amirudin juga menjelaskan pendekatan baharu itu juga bersifat berdaya tahan dan adaptif bagi memastikan Selangor terus kekal kompetitif serta mampan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Katanya, pendekatan yang diketengahkan dalam RS-2 ialah model pemban-

gunan berorientasi misi yang menjadi pendekatan utama pakar ekonomi terkenal dunia, Prof Dr Mariana Maz-zucato.

Mariana adalah Pengarah Pengasas Institut bagi Inovasi dan Tujuan Awam dari Kolej Universiti London yang menulis buku berjudul The Value of Everything: Making and Taking in the Global Economy.



DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

Kerjasama dengan Singapura tingkat ekonomi negeri

KERAJAAN Selangor giat berusaha bagi merencanakan kerjasama ekonomi serantau termasuk Singapura bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi.

Lawatan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari ke republik itu juga dijangka berupaya memperkasa Selangor dalam pelbagai bidang selain memperkukuh kerjasama dalam pelbagai sektor.

Beliau mengadakan siri pertemuan dengan pemimpin republik berkenaan bagi bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman antara 5 hingga 10 Jun melalui program S R Nathan Fellowship.

Menteri Kanan, Lee Hsien Loong yang juga bekas perdana menteri, Menteri Luar Negeri Vivian Balakrishnan, Menteri Pendidikan Desmond Lee dan Menteri Pembangunan Negara Chee Hong Tat antara pemimpin Singapura yang ditemuinya.

Pelbagai aspek dibincangkan antaranya kerjasama dua hala dan ekonomi serantau memandangkan Malaysia dan Singapura turut memainkan peranan

khusus dalam meneruskan keamanan rantau.

Delegasi negeri turut melawat ITE College West yang terkenal dalam bidang automotif selain pengendali industri perumahan negara, Housing Development Board (HDB) dan Urban Development Authority (URA).

Mereka juga berkunjung ke Enterprise Singapore, Economic Development Board serta bertemu Ketua Pegawai Eksekutif Temasek Holdings Dilhan Pillay, agensi yang mengurus pelaburan negara itu.

Selain lawatan, mesyuarat meja bulat anjuran bersama Invest Selangor dan OCBC Singapura juga diadakan bagi meneliti peluang ekonomi yang boleh dimanfaatkan Singapura dan Selangor.

Dalam perkongsian itu, Amirudin memaklumkan Selangor berpotensi besar untuk menerima ramai pelabur asing terutama syarikat-syarikat yang mahu meneroka pasaran rantau Asia Tenggara.

"Ia seiring usaha memperkukuh keupayaan sektor pertumbuhan strategi merangkumi pelbagai industri antara-

nya produk elektrik dan elektronik (E&E), aeroangkasa, sains hayat, kenderaan elektrik dan ekonomi digital.

"Di Malaysia, Selangor berada di depan dalam transformasi ini. Matlamat Selangor mahu menjadi pintu gerbang pasaran negara, ASEAN dan diperluaskan ke rantau Asia Pasifik,"katanya.

Beliau juga berkunjung ke Masjid Ba'alwie yang memperagakan aneka artifak termasuk manuskrip al-Quran berusia lebih 600 tahun dan Pameran File Albattross di Lembaga Perpustakaan Negara yang menceritakan sejarah pesisiran Singapura dari Malaysia.

Amirudin memuji usaha keluarga Habib Hassan Al Attas yang menjadikan masjid itu bukan hanya untuk ibadah dan dakwah, sebaliknya pusat sehati yang memenuhi keperluan umat Islam.

Delegasi Selangor disertai antaranya EXCO Pelaburan Ng Sze Han, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, Dato' Saipolyazan M Yusop.

Menurut Sze Han, lawatan tiga hari itu



Di Malaysia, Selangor berada di depan dalam transformasi ini. Matlamat Selangor mahu menjadi pintu gerbang pasaran negara, ASEAN dan diperluaskan ke rantau Asia Pasifik."

memberi peluang pentadbiran negeri untuk berkongsi inisiatif kepada pelabur termasuk jaminan rangkaian perniagaan lebih meluas.

"Ini peluang kita mempromosi negeri dan tarik perhatian pelabur asing. Singapura merupakan hab kewangan untuk rantau Asia Tenggara,"katanya.



Cipta 63,000 peluang pekerjaan tahun lalu

Rekod pelaburan tertinggi suku pertama 2026

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SINGAPURA - Selangor mencatat nilai pelaburan tertinggi yang diluluskan sepanjang suku pertama tahun ini iaitu RM33.5 bilion.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berka- ta kejayaan memberangsangkan tersebut bersamaan hampir 40 peratus daripada keseluruhan RM83 bilion nilai pelaburan pada tahun lalu.

"Untuk suku pertama tahun ini sahaja, kita capai lebih RM33 bilion tetapi nilai pelaburan tidak boleh diukur be- gitu. Ada prosesnya, ada kelulusan-kelulusan tertentu.

"Saya harap momentum ini dapat dikekalkan dan kita perlu pantau supaya Selangor kekal sebagai tem- pat pelaburan terbaik. Dalam masa sama menawarkan peluang pekerjaan yang banyak.

"Sebagaimana tahun lepas, walaupun kita berada di belakang Johor, namun jumlah peluang pekerjaan kita paling tinggi, ada 63,000 peluang kerja pada 2025," ka- tanya.

NILAI PELABURAN TERTINGGI SUKU TAHUN PERTAMA 2026

Selangor	RM33.5 bilion
Johor	RM16.9 bilion
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	RM16.9 bilion
Pulau Pinang	RM6.2 bilion
Sarawak	RM4.0 bilion

Beliau ditemui selepas menyertai mesyuarat meja bulat pelaburan Siti Perhubungan: Membuka Peluang Strategik di Selangor anjuran bersama Invest Selangor dan OCBC Singapu- ra pada 9 Jun.

Selangor mencatat nilai pelaburan diluluskan tertinggi, diikuti Johor (RM16.9 bilion), Wilayah Persekutuan Kuala Lum- pur (RM16.9 bilion), Pulau Pinang (RM6.2 bilion) dan Sarawak (RM4.0 bilion).

Mengikut data Lembaga Pembangunan Pelaburan Malay- sia (MIDA) pada 8 Jun, kejayaan berkenaan didorong penyepa-

duan infrastruktur matang kawasan Cyberjaya.

Amirudin juga yakin Selangor mampu men- capai sasaran RM60 bilion nilai pelaburan ber- dasarkan prestasi ekonomi semasa meski ber- depan krisis global dalam enam bulan pertama tahun ini.

"Jumlah pelaburan sangat baik dan ini menun- jukkan konsistensi usaha berterusan Kementer- an Perdagangan dan Industri selain pentadbiran negeri berjaya menarik pelabur datang," katanya.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, Se- langor mengekal kedudukannya sebagai negeri peneraju ekonomi untuk 2024 apabila mencatat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tertinggi iaitu RM432.1 bilion.

Pencapaian itu menyumbang 26.2 peratus keseluruhan KDNK, sekali gus mengukuhkan peranan Selangor sebagai hab utama sektor per- industrian dan perkhidmatan. Negeri ini turut mencatat kadar pertumbuhan ekonomi 6.3 per- tus, mengatasi purata nasional.

ALUNA
RESIDENCES

@ LAGUNA PARK PHASE 1B
PULAU INDAH

StarProperty
AWARDS
2026 REAL ESTATE DEVELOPER
EXCELLENCE
BEST FAMILY-CENTRIC DEVELOPMENT (LANDED) - SELANGOR
(The Family-Friendly Award)

MILIKI KEDIAMAN DI LOKASI PREMIUM



Tiada Yuran Tempahan



Bersebelahan Kawasan Riadah dan Rekreasi, Laguna Park



Berhadapan dengan Pesisiran Selat Lumut



Berhampiran dengan Sekolah Menengah dan Rendah

TEMPAH SLOT JANJI TEMU



010 - 252 2902

*Diskaun

50%

untuk Warga Kerja Kumpulan MBI Selangor

*Tertakluk pada terma & syarat



Rumah Teres 2-Tingkat



Sesuai Untuk Seisi Keluarga



*Gambar untuk tujuan ilustrasi sahaja

Konflik Amerika-Iran berlarutan ke padang?

PIALA Dunia belum bermula, namun konflik di luar padang nyata lebih membahang sebelum sepak mula di Mexico City pada 11 Jun. Segalanya diburukkan oleh konflik di Asia Barat sejak Februari lalu yang mencetuskan kebimbangan terhadap kelancaran kejohanan berprestij tersebut.

Ketegangan diplomatik dan ketenteraan antara Amerika Syarikat (AS) dan Iran yang kian memuncak pastinya bakal berterusan di pentas bola sepak, sukan yang menjadi simbol penyatuan ma-syarakat dunia sejak sekian lama.

Dengan pemeriksaan keselamatan ketat diharungi semua pasukan bertanding sejourus tiba di bumi Uncle Sam, suasana dikeruhkan dengan kisah beberapa petugas yang tidak diberikan visa masuk ke AS walaupun telah memohon lebih awal mengikut prosedur ditetapkan.

Sekalipun AS memberikan jaminan keselamatan buat skuad Iran sepanjang kejohanan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri memaklumkan mereka hanya dibenarkan memasuki AS sehari sebelum setiap daripada tiga perlawanan peringkat kumpulan.

Kelulusan visa pemain Iran yang kini menjalani latihan di Tijuana, Mexico hanya diberikan kira-kira 10 hari sebelum perlawanan pertama mereka. Sebelum teretusnya konflik, Team Melli dijadual menjalani latihan di Arizona.

Sebelum ini, pakar geopolitik sukan antarabangsa menyifatkan ketegangan dua negara itu bakal memberi tekanan besar kepada Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dalam memastikan Piala Dunia kekal bebas daripada pe-ngaruh politik.

Namun, delegasi Iran kekal berwaspada susulan kenyataan Presiden Donald Trump yang berpendapat pasukan berkenaan tidak sesuai tinggal lama di AS atas faktor



Gambar Reuters

keselamatan sekalipun mengalu-alukan penyertaan mereka dalam Piala Dunia.

'Kuda hitam' Asia

Iran layak ke Piala Dunia sebanyak tujuh kali termasuk edisi 2026. Kali pertama mereka beraksi dalam Piala Dunia 1978 diikuti kejayaan 1998, 2006, 2014, 2018 dan 2022 sebelum mengesahkan tiket ke Piala Dunia 2026 selepas mengikat Uzbekistan pada Mac 2025.

Walaupun belum pernah mara ke pusingan kalah mati, 'kuda hitam' Asia itu sering dianggap pasukan yang sukar ditewaskan kerana disiplin bertahan yang ampuh.

Pada temasya 2018 di Russia, Iran hampir mencipta sejarah apabila

menewaskan Maghribi 1-0, sebelum tewas tipis 0-1 kepada Sepanyol dan seri 1-1 dengan Portugal. Mereka menamatkan saingan dengan empat mata, jumlah terbaik dalam sejarah penyertaan mereka di Piala Dunia.

Prestasi itu membuktikan Iran mampu bersaing dengan kuasa besar dunia. Malah, Portugal yang dibarisi Cristiano Ronaldo hampir tersingkir apabila Iran memperoleh penalti pada penghujung perlawanan.

Pada edisi 2022 di Qatar pula, Iran mencatat kemenangan penting 2-0 ke atas Wales hasil jaringan lewat permainan. Walaupun gagal mara ke pusingan kedua selepas tewas kepada AS, persembahan mereka tetap dianggap kompetitif dalam kumpulan yang sengit.

Secara keseluruhan, Iran sudah

mencatat tiga kemenangan dalam sejarah Piala Dunia iaitu menentang AS (1998), Maghribi (2018) dan Wales (2022).

Persembahan konsisten Iran juga terserlah dalam kempen kelayakan Asia. Mereka sering menjadi antara pasukan terawal dari Asia yang layak ke Piala Dunia.

Cadangan Itali ganti Iran

Pertikaian penyertaan Iran ke Piala Dunia 2026 bermula apabila utusan khas presiden AS dilaporkan menggesa FIFA mempertimbangkan kemasukan Itali bagi menggantikan negara tersebut.

Paolo Zampolli melihat cadangan itu sebagai usaha diplomatik bagi memulihkan hubungan antara Donald

AMERIKA SYARIKAT BIKIN KALUT

Penyerang Switzerland Breel Embolo lewat menyertai pasukan selepas masalah visa dan beliau terpaksa ke kedutaan AS di Bern untuk mendapatkan kelulusan

Pelepasan Afrika Selatan ke Piala Dunia ditangguhkan akibat kesilapan dokumen kerana beberapa pemain tidak mempunyai dokumen kemasukan Mexico yang betul

Iraq antara pasukan yang malang setakat ini kesan konflik di Timur Tengah. Tonggak serangan Aymen Hussein, ditahan dan disoal siasat selama hampir tujuh jam di Lapangan Terbang O'Hare Chicago sebelum dibenarkan masuk

Jurugambar pasukan, Talal Salah pula kurang bernasib baik diarahkan pulang selepas pemeriksaan telefon dan ditahan lebih 10 jam

Senegal dan Uzbekistan antara pasukan yang terpaksa melalui pemeriksaan keselamatan yang ketat sejourus tiba di lapangan terbang

Trump dengan Perdana Menteri Itali, Giorgia Meloni, selepas kedua-dua pemimpin itu berselisih faham susulan kecaman presiden AS itu terhadap Pope Leo XIV berkaitan isu peperangan di Iran.

“Saya mengesahkan telah mencadangkan kepada Trump dan Infantino agar Itali menggantikan Iran di Piala Dunia. Sebagai anak jati Itali, ia merupakan satu impian untuk melihat Azzurri beraksi dalam kejohanan yang dihoskan oleh AS,” katanya memetik laporan Financial Times.

Bagaimanapun, pegawai sukan Itali menegaskan langkah itu tidak wajar, manakala Menteri Sukannya Andrea Abodi menolak keras idea untuk kembali ke Piala Dunia menerusi ‘pintu belakang’.

Presiden Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan Itali, Luciano Buonfiglio, turut senada dengan pendirian itu dan Menteri Ekonomi Itali, Giancarlo Giorgetti, pula menyifatkan cadangan berkenaan sebagai memalukan.

Itali, juara dunia empat kali, sudah tiga kali gagal ke Piala Dunia sejak 2014.

FIFA beri ‘lampu hijau’

Media antarabangsa melaporkan pre-siden FIFA menegaskan Iran tetap akan dibenarkan menyertai kejohanan itu walaupun hubungan politik kedua-dua negara tegang.

“Biar saya jelaskan dari awal Iran akan menyertai Piala Dunia FIFA 2026. Sudah tentu, Iran akan bermain di Amerika Syarikat,” kata Gianni Infantino memetik laporan Reuters pada 1 Mei.

FIFA juga menekankan bahawa sukan perlu menjadi medium perpaduan dan bukannya dipengaruhi konflik politik.

Antara isu utama yang dibangkitkan ialah keselamatan pemain, pegawai dan penyokong Iran. Ketegangan politik boleh menyebabkan kawalan keselamatan diperketat selain meningkatkan risiko protes atau ancaman terhadap pasukan terbabit.

Malah, terdapat laporan bahawa Iran pernah memohon agar lokasi latihan mereka dipindahkan dari Arizona, AS ke Tijuana, Mexico bagi mengelakkan masalah logistik, sekatan perjalanan dan visa. FIFA akhirnya meluluskan permohonan tersebut.

Selain itu, isu visa turut menjadi

perhatian besar. AS sebelum ini terkenal dengan dasar sekatan perjalanan terhadap beberapa negara tertentu termasuk Iran.

Walaupun atlet antarabangsa lazimnya diberikan pengecualian khas, ketegangan diplomatik tetap boleh menyukarkan proses kemasukan delegasi atau penyokong Iran.

Terdapat laporan delegasi Iran menghadapi kesukaran mendapatkan visa untuk menghadiri acara rasmi berkaitan Piala Dunia 2026, sekali gus mencetuskan dakwaan wujud ‘double standard’ dalam pengurusan bola sepak antarabangsa.

Sementara itu, setiausaha agung FIFA memaklumkan pihaknya mengadakan pertemuan yang konstruktif dan positif dengan Persatuan Bola Sepak Iran (FFIRI), sekali gus menyatakan keyakinan terhadap penyertaan negara itu dalam Piala Dunia tahun ini.

Menurut Mattias Grafstrom, beliau bertemu Presiden FFIRI, Mehdi Taj pada 16 Mei dan menyatakan FIFA kini bekerjasama rapat dengan pihak Iran menjelang kejohanan tersebut.

Sementara itu, Taj berkata, pihaknya berpuas hati dengan pertemuan bersama FIFA dan menyatakan semua isu yang dibangkitkan telah diberi perhatian.

“Saya berasa gembira kerana mereka mendengar pandangan Iran, kesemua 10 perkara yang kami kemukakan, dan mereka turut menawarkan penyelesaian bagi setiap isu tersebut.

“Saya berharap, Insya-Allah, pasukan kebangsaan kami dapat menyertai Piala Dunia tanpa sebarang masalah dan mencapai keputusan yang baik,” katanya memetik laporan Agensi.

Iran dijadualkan beraksi dalam kesemua tiga perlawanan peringkat kumpulan di AS, namun penyertaan pasukan itu dipersoalkan susulan serangan AS dan Israel ke atas Iran pada penghujung Februari lalu.

Ketidakpastian itu meningkat apabila Taj dilaporkan tidak dibenarkan memasuki Kanada bagi menghadiri Kongres FIFA di Vancouver baru-baru ini, berikutan kaitannya dengan Kor Pengawal Revolusi Islam (IRGC).

Ketiga-tiga negara penganjur itu mengklasifikasikan IRGC sebagai entiti pengganas dan menegaskan individu

yang mempunyai kaitan dengan kumpulan itu tidak akan dibenarkan memasuki negara mereka.

Agensi berita Iran, ISNA melaporkan persekutuan bola sepak negara itu telah menggariskan 10 syarat bagi penyertaan Iran dalam kejohanan berkenaan.

Antara syarat berkenaan termasuk jaminan semua pemain dan pegawai teknikal akan menerima visa tanpa sebarang masalah serta tidak akan disoal siasat oleh pihak imigresen AS ketika dalam perjalanan.

Persekutuan itu juga dilaporkan meminta kemudahan visa untuk wartawan dan penyokong Iran yang menghadiri kejohanan itu, peningkatan langkah keselamatan AS di lapangan terbang, hotel, laluan pengangkutan dan stadium, serta sekatan yang hanya membenarkan bendera rasmi kebangsaan Iran dibawa masuk ke stadium.

Tuntutan lain yang dilaporkan termasuklah jaminan bahawa lagu kebangsaan Iran akan dimainkan tanpa gangguan semasa perlawanan dan soalan dalam sidang media dihadkan sepenuhnya kepada perkara berkaitan bola sepak.

Konflik geopolitik

Kontroversi ini juga memberi

tekanan kepada FIFA yang selama ini menegaskan prinsip pemisahan antara politik dan sukan. Namun realitinya, konflik geopolitik sukar dipisahkan daripada acara global seperti Piala Dunia.

Situasi melibatkan Rusia sebelum ini membuktikan keputusan politik boleh memberi kesan besar terhadap penyertaan sesebuah negara dalam kejohanan antarabangsa.

Pada Februari 2022, sejurus Rusia menyerang Ukraine, pasukan kebangsaan dan kelab negara itu digantung daripada semua kejohanan anjuran FIFA dan Kesatuan Persatuan Bola Sepak Eropah (UEFA) termasuk Piala Dunia 2026.

Selain aspek keselamatan, ketegangan AS-Iran juga boleh memberi kesan ekonomi dan imej kepada tuan rumah Piala Dunia 2026.

Kejohanan itu dijangka menarik antara lima hingga tujuh juta pelancong antarabangsa serta menjana berbilion dolar kepada negara penganjur melalui sektor pelancongan, hospitaliti dan peruncitan.

Namun, jika berlaku boikot, protes atau ancaman keselamatan, ia boleh mengurangkan keyakinan penyokong antarabangsa untuk hadir. Dalam era media sosial, sebarang insiden kecil juga mampu memberi kesan besar terhadap reputasi kejohanan.

LOT KEDIAMAN DI GAMUDA COVE

Potongan Harga 7%

Untuk Unit Bumiputera Sahaja

Lengkap dengan infrastruktur Solar

Bersebelahan 60 ekar Taman Sentral

Rumah Biophilic

MORI PINES

RUMAH TERES & SEMI-D KLUSTER

Keluasan: 20' x 65' | 32' x 70' | 138' x 70' | Keluasan binaan dari 1,785 kps

MIO SPRING

RUMAH TERES 2 TINGKAT

Keluasan: 26' x 65' | 34' x 60' | Keluasan binaan dari 2,518 kps

THE CLOVE

RUMAH TERES 2 TINGKAT

Keluasan: 45' x 46' | Keluasan binaan dari: 2,226 kps

THE CAMELLIA

WETLANDS ESTATES

RUMAH BERKEMBAR

Keluasan dari 36' x 75' | Keluasan binaan dari 2,600 kps

HUBUNGI KAMI SEKARANG

Sincere™
Responsible
Original

Gamuda Land (T12) Sdn Bhd
(1198089-A) Berhad
Persiaran Cove Sentral
Bandar Gamuda Cove,
47700 Kuala Langat, Selangor, Malaysia

gamudaland.com.my
03 9212 0455

Media Iran melaporkan sekurang-kurangnya 15 pegawai dan kakitangan pasukan mereka dinafikan visa. Lebih mengecewakan peruntukan tiket peringkat kumpulan turut ditarik balik bagi menghalang kehadiran penyokong Iran

Dua keluarga penyokong Scotland kecewa selepas kelulusan mereka ke AS untuk menonton Piala Dunia ditukar kepada ‘perjalanan tidak dibenarkan’ pada 3 Jun

Omar Artan, salah seorang pengadil yang dilantik FIFA untuk kejohanan ini tidak dibenarkan masuk ke AS selepas tiba di Miami. Beliau sepatutnya menjadi orang pertama dari Somalia yang mengadili perlawanan Piala Dunia

Peminat juga kecewa edisi ini menyukarkan kehadiran mereka kerana harga tiket yang mahal hingga mencecah ribuan dolar selain kos penginapan melambung tinggi

Sejarah hitam di Korea Selatan-Jepun

Susunan oleh AFIX REDZUAN

Piala Dunia tidak pernah sunyi daripada kontroversi. Suasana tegang luar dan dalam padang sentiasa menjadi penyeri kejohanan empat tahun sekali itu.

Bermula daripada pemilihan tuan rumah hingga aksi di padang, segalanya dinantikan semua peminat bola sepak. Lebih buruk ada nyawa terkorban sejurus kejohanan tamat.

Penganjuran di Korea Selatan dan Jepun pada 2022 antara edisi Piala Dunia yang mencoret kisah hitam hingga menampilkan sisi memihak kepada pasukan tuan rumah.

Berikut bingkisan sebahagian kontroversi penganjuran Piala Dunia kali pertama di rantau Asia sejak kejohanan berprestij itu diperkenalkan pada 1930.

Fevernova

Adidas mengumumkan Fevernova sebagai bola rasmi kejohanan edisi ke-17. Dengan lapisan busa sintetik (syntactic foam) dan jahitan rangka tiga lapis, rekaan berkenaan antara pembaharuan bola kejohanan berbanding Tricolore yang digunakan di Perancis pada 1998.

Bagaimanapun, bola berkenaan mengundang kritikan tajam beberapa pemain dan jurulatih antaranya penjaga gol Itali Gianluigi Buffon yang menyifatkan lantunan Fevernova sebagai gila dan lebih sesuai digunakan untuk sukan bola tampar.

Bintang Brazil Rivaldo, penyerang Slovenia Zlatko Zahovic dan pemain tengah Turkiye Abdullah Ercan merumuskan rekaan serta kualiti bola berkenaan sangat teruk, ringan seperti belon selain sukar dikawal apabila disepak terlalu kuat.

Kritikan sama turut dihamburkan pemain laman tahun kemudian terhadap bola Jabulani (Afrika Selatan 2010) dan Brazuca (Brazil 2014).



Juara bertahan rebah

Perancis tampil ke benua Asia dengan status juara Piala Dunia 1998 dan Piala Eropah 2000.

Bintang seperti Zinedine Zidane, Thierry Henry, Patrick Viera dan Marcel Desailly memikul tanggungjawab berat dalam misi mempertahankan kejuaraan.

Ternyata langit tidak sentiasa cerah buat *Les Bleus*. Senegal, lawan pertama yang dianggap mudah oleh kebanyakan pemerhati bola sepak membuktikan sebaliknya dalam penampilan sulung Piala Dunia.

Jaringan tunggal Papa Bouba Diop pada minit ke-30 menempa sejarah bermakna buat Senegal di kejohanan terbesar dunia tanggal 31 Mei 2002.

Kegopohan pertahanan Perancis di hadapan gawang sendiri dihukum Bouba Diop yang tenang

menolak masuk bola menerjah jaring menewaskan penjaga gol Fabien Barthez.

Perancis seperti tidak bersedia untuk bertarung di Stadium Seoul, lebih malang kecederaan Zidane dalam perlawanan persahabatan sebelum sepak mula kejohanan menambah kepincangan pasukan.

Juara bertahan itu rebah di peringkat kumpulan tanpa sebarang kemenangan. Senegal terus mencoret sejarah pertama kali ke suku akhir di Piala Dunia sebelum tunduk kepada Turkiye 1-0 menerusi jaringan emas Ilhan Mansız.

Mafia Itali 'dirompak'

Menjadi tuan rumah nyata memberi kelebihan kepada Jepun dan Korea Selatan. Manakan tidak, kedua-dua pasukan pertama kali melepasi peringkat kumpulan dan bersaing dalam pusingan kalah mati.

Samurai Blue yang ketika itu dibimbing Philippe Troussier lolos ke pusingan 16 pasukan terbaik sebagai juara kumpulan H, mengumpul tujuh mata sebelum tewas 0-1 kepada Turkiye.

Korea Selatan juga cemerlang di hadapan puluhan ribu penyokong sendiri, melepasi peringkat kumpulan kali pertama selepas lima kali mencuba.

Mereka menewaskan Itali 2-1 menerusi jaringan emas Ahn Jung-hwan pada minit ke-117 dalam pusingan 16 pasukan terbaik. Aksi itu turut dicemari beberapa kontroversi melibatkan pengadil Byron Moreno.

Itali yang berkelebihan gol Christian Vieri tempang sepanjang masa tambahan apabila Francesco Totti dibuang padang selepas mengutip kad kuning kedua kerana didakwa sengaja merebahkan badan dalam kotak penalti.

Kelebihan satu pemain digunakan sebaiknya *Taegu Warriors* yang mencetak gol kedua hasil tandukan Jung-hwan pada penghujung babak kedua masa tambahan. Jaringan itu memahat nama





PIALA DUNIA 2026

KUMPULAN

A	B	C
MEXICO SOUTH AFRICA SOUTH KOREA CZECHIA	CANADA BOSNIA QATAR SWITZERLAND	BRAZIL MOROCCO HAITI SCOTLAND
D	E	F
USA PARAGUAY AUSTRALIA TÜRKIYE	GERMANY CURAÇAO IVORY COAST ECUADOR	NETHERLANDS JAPAN SWEDEN TUNISIA
G	H	I
BELGIUM EGYPT IRAN NEW ZEALAND	SPAIN CAPE VERDE SAUDI ARABIA URUGUAY	FRANCE SENEGAL IRAQ NORWAY
J	K	L
ARGENTINA ALGERIA AUSTRIA JORDAN	PORTUGAL DR CONGO UZBEKISTAN COLOMBIA	ENGLAND CROATIA GHANA PANAMA

JADUAL PERLAWANAN PERINGKAT KUMPULAN

12 JUNE 2026 (FRI) 3:00 AM Mexico vs South Africa 10:00 AM South Korea vs Czechia	18 JUNE 2026 (THU) 1:00 AM Portugal vs DR Congo 4:00 AM England vs Croatia 7:00 AM Ghana vs Panama 10:00 AM Uzbekistan vs Colombia	21 JUNE 2026 (SUN) 1:00 AM Netherlands vs Sweden 4:00 AM Germany vs Ivory Coast 8:00 AM Ecuador vs Curaçao 12:00 PM Tunisia vs Japan	25 JUNE 2026 (THU) 3:00 AM Switzerland vs Canada 3:00 AM Bosnia vs Qatar 6:00 AM Scotland vs Brazil 6:00 AM Morocco vs Haiti 9:00 AM Czechia vs Mexico 9:00 AM South Africa vs South Korea
13 JUNE 2026 (SAT) 3:00 AM Canada vs Bosnia 9:00 AM USA vs Paraguay	18 JUNE 2026 (THU) 1:00 AM Portugal vs DR Congo 4:00 AM England vs Croatia 7:00 AM Ghana vs Panama 10:00 AM Uzbekistan vs Colombia	22 JUNE 2026 (MON) 12:00 AM Spain vs Saudi Arabia 3:00 AM Belgium vs Iran 6:00 AM Uruguay vs Cape Verde 9:00 AM New Zealand vs Egypt	26 JUNE 2026 (FRI) 4:00 AM Curaçao vs Ivory Coast 4:00 AM Ecuador vs Germany 7:00 AM Japan vs Sweden 7:00 AM Tunisia vs Netherlands 10:00 AM Türkiye vs USA 10:00 AM Paraguay vs Australia
14 JUNE 2026 (SUN) 3:00 AM Qatar vs Switzerland 6:00 AM Brazil vs Morocco 3:00 AM Haiti vs Scotland 12:00 PM Australia vs Türkiye	19 JUNE 2026 (FRI) 12:00 AM Czechia vs South Africa 3:00 AM Switzerland vs Bosnia 6:00 AM Canada vs Qatar 9:00 AM Mexico vs South Korea	23 JUNE 2026 (TUE) 1:00 AM Argentina vs Austria 5:00 AM France vs Iraq 8:00 AM Norway vs Senegal 11:00 AM Jordan vs Algeria	27 JUNE 2026 (SAT) 3:00 AM Norway vs France 3:00 AM Senegal vs Iraq 8:00 AM Cape Verde vs Saudi Arabia 8:00 AM Uruguay vs Spain 11:00 AM Egypt vs Iran 11:00 AM New Zealand vs Belgium
15 JUNE 2026 (MON) 1:00 AM Germany vs Curaçao 4:00 AM Netherlands vs Japan 7:00 AM Ivory Coast vs Ecuador 10:00 AM Sweden vs Tunisia	20 JUNE 2026 (SAT) 3:00 AM USA vs Australia 6:00 AM Scotland vs Morocco 8:30 AM Brazil vs Haiti 11:00 AM Türkiye vs Paraguay	24 JUNE 2026 (WED) 1:00 AM Portugal vs Uzbekistan 4:00 AM England vs Ghana 7:00 AM Panama vs Croatia 10:00 AM Colombia vs DR Congo	28 JUNE 2026 (SUN) 5:00 AM Panama vs England 5:00 AM Croatia vs Ghana 7:30 AM Colombia vs Portugal 7:30 AM DR Congo vs Uzbekistan 10:00 AM Algeria vs Austria 10:00 AM Jordan vs Argentina
16 JUNE 2026 (TUE) 12:00 AM Spain vs Cape Verde 3:00 AM Belgium vs Egypt 6:00 AM Saudi Arabia vs Uruguay 9:00 AM Iran vs New Zealand	17 JUNE 2026 (WED) 3:00 AM France vs Senegal 6:00 AM Iraq vs Norway 9:00 AM Argentina vs Algeria 12:00 PM Austria vs Jordan		

JADUAL PERLAWANAN PERINGKAT KALAH MATI

ROUND 32 29 June 2026 (Mon) 4 July 2026 (Sat)	ROUND 16 29 June 2026 (Mon) 4 July 2026 (Sat)	SUKU AKHIR 29 June 2026 (Mon) 4 July 2026 (Sat)	SEPARUH AKHIR 29 June 2026 (Mon) 4 July 2026 (Sat)	TEMPAT KE-3 29 June 2026 (Mon) 4 July 2026 (Sat)	AKHIR 29 June 2026 (Mon) 4 July 2026 (Sat)
--	--	--	---	---	---

Evolusi peraturan rancakkan bola sepak



Susunan oleh FITRI HAZIM HAZAM

Evolusi peraturan bola sepak menunjukkan bagaimana sukan ini sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Daripada permainan yang lebih kasar dan perlahan pada abad ke-19, bola sepak moden kini lebih pantas, teknikal dan dibantu teknologi, sambil mengekalkan identiti utamanya sebagai sukan paling popular di dunia.

Peraturan sukan ini melalui banyak perubahan sejak mula diseragamkan dan ia menjadikan permainan lebih adil, pantas, selamat dan menarik tontonan.

Penyeragaman undang-undang pertama bermula pada 1863 oleh Persatuan Bola Sepak (FA) di England. Ia juga didorong keperluan untuk mempercepatkan rentak permainan, melindungi pemain dan menggunakan teknologi.

Asas & Awal Permainan

Pada peringkat awal beberapa peraturan utama diperkenalkan seperti larangan membawa bola menggunakan tangan, menjatuhkan lawan secara kasar dan penggunaan sepakan percuma bagi kesalahan tertentu antaranya:

1863: Menolak penggunaan tangan sepenuhnya untuk pemain kecuali penjaga gol.

1866: Peraturan offside dilonggarkan. Pemain dikira offside jika kurang daripada tiga pemain lawan di hadapannya.

1886: Lembaga Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (IFAB) ditubuhkan bagi menyeragamkan undang-undang untuk Scotland, Wales, Ireland dan England.

Peraturan offside, sepakan penalti, 90 minit permainan

Peraturan offside merupakan antara undang-undang yang paling banyak berubah dalam sejarah bola sepak.

Sepakan penalti diperkenalkan untuk kesalahan dalam kotak penalti pada 1891.

Pada 1897, masa permainan ditetapkan 90 minit dan bilangan pemain dihadkan 11 orang setiap pasukan.

Pada awalnya, mana-mana pemain lawan yang berada di depan bola dianggap offside. Ini menyebabkan permainan lebih tertumpu kepada menggelecek dan hantaran pendek.

Pemain hanya dianggap onside jika ada tiga pemain lawan di hadapannya. Perubahan ini membantu perkembangan permainan hantaran.

Pada 1925, IFAB mengubah syarat dua pemain pertahanan sahaja di depan penyerang. Perubahan ini meningkatkan jumlah gol dan menjadikan permainan lebih bersifat menyerang.

Pada 1990, pemain yang sejajar dengan pertahanan terakhir tidak lagi dianggap offside. Ia mempercepatkan tempo permainan dan menggalakkan serangan.

Back-pass rule

Peraturan melarang penjaga gol menangkap hantaran rakan sepasukan antara perubahan terbesar dalam sejarah bola sepak moden.

Ia mengubah cara pasukan bertahan, cara penjaga gol bermain dan menjadikan permainan lebih pantas serta menarik.

Sebelum ia diperkenalkan, pemain pertahanan sering menghantar bola kembali kepada penjaga gol untuk melengah-lengahkan masa.

Penjaga gol boleh menangkap bola, memegangnya lama, kemudian menjatuhkannya semula sebelum mengulang proses sama.

Taktik ini menjadi semakin ketara pada akhir 1980-an dan memuncak ketika Piala Dunia 1990 hingga dikritik kerana terlalu defensif dan membosankan.

Pada 1992, IFAB memperkenalkan "back-pass rule" secara rasmi dan ia mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 1992.

Perubahan ini bagi mengurangkan pembaziran masa, menjadikan permainan lebih menyerang dan memaksa penjaga gol lebih bermain menggunakan kaki.

IFAB juga menambah peraturan melarang penjaga gol menangkap bola daripada lontaran ke dalam (throw-in) rakan sepasukan secara terus pada 1997.

"Back-pass rule" dianggap antara perubahan paling penting kerana meningkatkan rentak permainan, mengurangkan taktik negatif, mengubah latihan penjaga gol dan mempercepat evolusi taktikal bola sepak.

Hari ini, penjaga gol seperti Manuel Neuer, Ederson dan Alisson Becker menjadi contoh bagaimana kemahiran kaki sama penting dengan kemampuan menyelamatkan bola.

Pertukaran pemain

Pada peringkat awal bola sepak moden, tiada peraturan membenarkan pertukaran pemain. Pasukan perlu menghabiskan perlawanan dengan kesebelasan yang sama walaupun berlaku kecederaan.

Ini menyebabkan ada pasukan bermain dengan kurang pemain jika berlaku kecederaan serius.

Pada 1958, Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) mula membenarkan pertukaran penjaga gol yang cedera dalam pertandingan tertentu. Selepas itu, pertukaran pemain lain turut dibenarkan tetapi hanya atas faktor kecederaan.

Liga di England antara pelopornya apabila membenarkan satu pertukaran pemain dalam liga domestik pada musim 1965/66. Pada awalnya ia khusus untuk kecederaan sebelum berkembang menjadi pertukaran taktikal biasa.

Menjelang 1970, FIFA membenarkan dua pertukaran pemain dalam perlawanan antarabangsa rasmi termasuk Piala Dunia. Peraturan ini membuka ruang kepada strategi taktikal baharu seperti penggunaan "super-sub".

FIFA meningkatkan had pertukaran kepada tiga pemain pada 1995. Perubahan ini selari peningkatan tahap permainan, jadual perlawanan lebih padat dan perkembangan sains sukan.

Ketika pandemik Covid-19, FIFA memperkenalkan lima pertukaran pemain bagi mengurangkan keletihan akibat kepadatan jadual perlawanan. Peraturan ini pada mulanya bersifat sementara sebelum diterima secara kekal oleh banyak pertandingan utama dunia.

Liga utama yang menggunakan sistem lima pertukaran termasuklah Liga Perdana Inggeris, La Liga dan Liga Juara-Juara Eropah.

Namun, pasukan hanya diberi tiga peluang menukar lima pemain supaya rentak perlawanan tidak terganggu.

Dalam beberapa kejohanan besar, satu lagi pertukaran tambahan dibenarkan ketika masa tambahan, khususnya peringkat kalah mati. Ia membantu pengurus mengurus stamina dan mengurangkan risiko kecederaan.

Video Bantuan Pengadil (VAR)

VAR ialah sistem bantuan pengadil menggunakan rakaman video untuk menyemak semula keputusan penting dalam perlawanan bola sepak. Ia diperkenalkan untuk mengurangkan kesilapan besar yang boleh menjejaskan keputusan perlawanan.

VAR dikawal oleh IFAB dan mula digunakan secara rasmi dalam pertandingan besar FIFA sekitar 2018.

Sistem ini teknologi moden yang membantu pengadil membuat keputusan lebih tepat dalam situasi penting seperti gol, penalti dan kad merah.

Walaupun mengganggu masa bermain hingga mengakibatkan tambahan masa, VAR dianggap salah satu inovasi terbesar dalam sejarah bola sepak moden.

Penggunaan VAR hanya untuk merungkai kesilapan jelas antaranya menentukan keabsahan gol, keputusan penalti, kad merah terus dan kesilapan identiti pemain (salah menghukum pemain).

Proses penentuan VAR turut dipantau melalui rakaman video oleh sekumpulan pengadil di bilik kawalan yang menyemak setiap sudut kamera sebelum keputusan muktamad dibuat.

Jika ada keraguan, bilik kawalan akan menghubungi pengadil menerusi interkom dan pengadil utama boleh melihat ulang tayang di skrin tepi padang melalui proses On-field review.

Bagaimanapun, tidak semua keputusan disemak kecuali situasi kritikal bagi mengurangkan kesilapan besar perlawanan.

Meski VAR mencetuskan pelbagai perdebatan umum, kelebihan teknologi membantu membuat keputusan lebih adil dan tepat, mengurangkan kontroversi besar, membantu pengadil dalam situasi sukar dan menambah keyakinan terhadap keputusan penting.

Pengkritik pula menyifatkan VAR melambatkan permainan, keputusan masih subjektif, boleh mengganggu emosi pemain dan penyokong dan tidak semua insiden boleh diselesaikan 100 peratus dengan jelas.



Teknologi garisan gol

Teknologi garisan gol atau Goal-Line Technology (GLT) ialah sistem yang digunakan untuk menentukan sama ada bola telah melintasi garisan gol sepenuhnya atau tidak.

Ia diperkenalkan untuk menghapuskan keraguan jaringan kontroversi yang sering berlaku sebelum ini.

Selepas pelbagai kontroversi dalam Piala Dunia FIFA 2010 di Afrika Selatan, GLT diuji secara rasmi dan penggunaannya diluluskan pada 2012. Teknologi ini digunakan pertama kali dalam Piala Dunia FIFA 2014 di Brazil.

GLT menggunakan dua sistem utama

iaitu kamera berkelajuan tinggi (multi-camera system) dengan tujuh hingga 14 peranti dipasang di sekitar gawang, kamera menjejak kedudukan bola dari pelbagai sudut dan sistem komputer menentukan sama ada bola melepasi garisan.

Selain itu, sistem pengesan dalam bola yang menggunakan cip elektronik juga dapat memberikan data secara tepat.

Jika bola melepasi garisan sepenuhnya, sistem akan menghantar isyarat automatik kepada jam tangan pengadil dalam masa kurang satu saat.

Meski GLT memberikan keputusan tepat, sistem ini bukan bertujuan untuk menggantikan pengadil.

Teknologi Ofsaid Semi-Automated (SAOT)

SAOT ialah teknologi yang membantu pengadil dan VAR membuat keputusan offside dengan lebih pantas, tepat dan konsisten menggunakan gabungan kamera khas, sensor dalam bola dan kecerdasan buatan (AI). Diperkenalkan oleh FIFA dan IFAB, ia

mula digunakan dalam kejohanan besar seperti Piala Dunia 2022 di Qatar.

SAOT menjadikan bola sepak lebih adil, cepat dan moden, tetapi masih bergantung kepada pengesanan pengadil.

Sistem ini menggunakan tiga komponen utama antaranya pemasangan sekitar 12 kamera penjejak pemain di bumbung stadium yang berupaya menjejak sehingga 29 titik data badan setiap pemain serta mengesan pergerakan secara 3D.

Kedua, pengesan dalam bola (Inertial Measurement Unit) yang boleh menghantar data sehingga 500 kali sesaat dan menentukan saat tepat bola disentuh (kick point).

Seterusnya, sistem AI & VAR secara automatik yang mencadangkan keputusan offside. VAR hanya perlu mengesahkan, bukan melukis garisan secara manual dengan menghasilkan animasi 3D untuk menunjukkan posisi pemain.



Meski VAR mencetuskan pelbagai perdebatan umum, kelebihan teknologi membantu membuat keputusan lebih adil dan tepat, mengurangkan kontroversi besar, membantu pengadil dalam situasi sukar dan menambah keyakinan terhadap keputusan penting



TIDAK semua atlet berpeluang mewakili negara kelahiran dalam kejohanan besar termasuk Piala Dunia. Dalam era bola sepak moden, isu pemain dwiwarganegara semakin menjadi perhatian.

Bagaimanapun, peluang terhad dalam pasukan utama negara kelahiran memaksa pemain muda memilih kerakyatan negara asal keturunan keluarga mereka.

Situasi itu bukan sahaja mencetuskan perdebatan pelbagai pihak malah memberi dimensi baharu kepada landskap bola sepak antarabangsa.

Perubahan status warganegara dalam sukan bola sepak bermula pada abad ke-20 menerusi proses naturalisasi pemain asing.

Bimbang perkembangan itu bakal menjadi tidak terkawal, Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) terpaksa merombak peraturan secara berperingkat sejak 2004.

Badan induk bola sepak dunia itu memperkenalkan peraturan baharu yang mewajibkan pemain menunjukkan 'hubungan yang jelas' dengan mana-mana negara yang ingin diwakili.

Kemudian, peraturan FIFA membenarkan seseorang pemain mewakili mana-mana pasukan kebangsaan selagi pemain tersebut memiliki

Tuah miliki dua kerakyatan

kewarganegaraan negara berkenaan.

Untuk menukar pasukan kebangsaan, syarat ditetapkan, pemain itu tidak pernah beraksi dalam perlawanan kompetitif untuk negara pertama (kecuali perlawanan persahabatan), dan mesti mendapat kelulusan FIFA.

Dengan kewujudan banyak kejohanan kompetitif seperti *Nations League* menggantikan perlawanan persahabatan, FIFA tampil memperkenalkan peraturan baharu pada 2021.

Bawah peraturan tersebut, pemain boleh menukar pasukan kebangsaan walaupun pernah bermain dalam pertandingan rasmi untuk negara pertama kecuali jika perlawanan pada peringkat kejohanan Piala Dunia atau kejohanan benua dengan syarat mereka hanya

beraksi dalam tiga perlawanan kompetitif atau kurang, dan bermain sebelum mereka berusia 21 tahun.

Selain itu, pemain juga perlu melalui tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun sejak perlawanan kompetitif terakhir sebelum layak menukar pasukan kebangsaan. Tiada syarat tempoh masa dikenakan bagi perlawanan persahabatan.

Perubahan tersebut mengelakkan amalan 'menyorok' atau 'mengikat' pemain oleh sesebuah negara semata-mata untuk menghalang mereka mewakili negara lain.

Bagi menghangatkan lagi suasana Piala Dunia 2026, wartawan **IZZAH HANNANI** menyenaraikan beberapa pemain yang memiliki dwiwarganegara dalam sejarah bola sepak.

1 FERENC PUSKAS HUNGARI & SPANYOL

Tonggak Real Madrid pada era 1950-an ini dianggap antara pemain terhebat sepanjang zaman dan penyerang terbaik dunia.

Beliau juga kapten kepada 'Generasi Emas' Hungari yang menang pingat emas Olimpik 1952 dan mara ke akhir Piala Dunia 1954.

Pada 1962, beliau memperoleh kewarganegaraan Sepanyol melalui proses naturalisasi dan membuat empat penampilan dengan tiga daripadanya dalam Piala Dunia.

2 THIAGO MOTTA BRAZIL & ITALI

Dilahirkan di Brazil dan beliau pernah bermain dua kali bersama Selecao pada 2003 sebelum mendapat kewarganegaraan Itali.

Beliau menyertai skuad Itali pada 2011 dengan 30 penampilan dan menjarangkan satu gol.

Motta beraksi dalam Piala Dunia 2014 serta Piala Eropah (Euro) termasuk muncul naib juara pada 2012.

3 DIEGO COSTA BRAZIL & SPANYOL

Diego Costa yang lahir di Brazil layak mewakili Sepanyol selepas memperoleh kewarganegaraan negara itu.

Beliau bermain dua kali untuk Brazil pada 2013 sebelum beraksi pertama kali bersama La Roja setahun kemudian.

Beraksi dalam Piala Dunia 2014 dan 2018 bersama Sepanyol, beliau membuat 24 penampilan dan menjarangkan 10 gol.

4 ERLING HAALAND ENGLAND & NORWAY

Meski dilahirkan di England, Haaland lebih cenderung mewakili Norway, negara yang menjadi tempat beliau membesar bersama keluarganya.

Penyerang tinggi lampai itu antara bakat muda yang kian menyinar di Eropah ketika ini dengan penyudah yang tajam di bahagian serangan.

Kontrak profesional bersama Molde FK pada 2016 membuka laluan kepada kejayaannya di pentas bola sepak antarabangsa.

5 WILFRIED ZAHA ENGLAND & IVORY COAST

Zaha sempat beraksi dua kali dalam perlawanan persahabatan bersama England dengan jumlah masa bermain hanya 25 minit.

Selepas tidak lagi dipanggil mewakili Three Lions selama empat tahun, beliau memaklumkan FIFA untuk mewakili negara kelahirannya, Ivory Coast pada 2016.

Beliau menyertai The Elephants menjelang Piala Negara-negara Afrika pada 2017 dan sejak itu mencatat lebih 30 penampilan serta mencetak lima gol.

6 DECLAN RICE REPUBLIK IRELAND & ENGLAND

Dilahirkan di England, Rice layak mewakili Republik Ireland menerusi datuk dan nenek sebelah bapanya.

Beliau pernah mewakili Republik Ireland di peringkat remaja dan senior sebelum memilih England pada 2019.

Rice beraksi dalam semua tujuh perlawanan England di Euro 2020, di mana mereka tewas kepada Itali dalam perlawanan akhir.





7 BRAHIM DIAZ SEpanyol & MAGHRIBI

Kerjaya bola sepak tidak semestinya mengikut laluan yang lurus dan Brahim Diaz membuktikannya.

Beliau memulakan karier antarabangsa bersama Sepanyol dan menjaringkan gol ketika penampilan sulung bersama skuad senior.

Mempunyai keturunan Maghribi yang kuat, Brahim akhirnya memilih negara berkenaan dan menyertai skuad kebangsaan pada 2024.

10 ALPHONSO DAVIES GHANA & KANADA

Beliau dilahirkan di Ghana selepas keluarganya melarikan diri daripada konflik di Liberia.

Davies memperoleh kewarganegaraan Kanada pada 2017, seterusnya mewakili skuad remaja sebelum dipanggil menyertai skuad senior ketika berusia 16 tahun.

Dalam penampilan sulung Piala Dunia 2022 di Qatar, beliau turut mencipta sejarah menjaringkan gol pertama Kanada dalam saingan tersebut.



8 GEOFFREY KONDOGBIA PERANCIS & REPUBLIK AFRIKA TENGAH

Pemain tengah Atlético Madrid ini mewakili Perancis 57 kali dalam pasukan remaja dan bermain lima perlawanan bersama skuad senior sejak 2013.

Memandangkan kesemua lima perlawanan itu bukan perlawanan kompetitif, Kondogbia masih layak mewakili Republik Afrika Tengah menerusi keturunan ibu bapanya.

Beliau membuat penampilan sulung bersama Republik Afrika Tengah pada 2018.

11 INAKI WILLIAMS SEpanyol & GHANA

Pemain kelahiran Sepanyol ini membuat penampilan sulung bersama skuad kebangsaan pada 2016.

Menjelang Piala Dunia 2022, beliau mengumumkan keputusannya untuk mewakili Ghana.

Lebih menarik, adiknya, Nico Williams, terus mewakili Sepanyol.

12 ALEJANDRO GARNACHO SEpanyol & ARGENTINA

Dilahirkan di Madrid, Sepanyol, bakatnya digilap melalui sistem pembangunan bola sepak negara itu dan turut layak mewakili Argentina menerusi ibunya.

Beliau yang juga sebahagian skuad Argentina menjuarai Copa America 2024 bersama Lionel Messi.

Persaingan sengit di bahagian serangan menyebabkan peluangnya semakin terhad dan tidak disenarai ke Piala Dunia 2026.

9 JENS CASTROP JERMAN & KOREA SELATAN

Dilahirkan di Dusseldorf, Jerman pada 2003, bapanya warganegara Jerman dan ibunya, Korea Selatan.

Beliau antara bakat pembangunan pasukan kebangsaan remaja Jerman bermula daripada bawah 16 tahun (B-16).

Melihat peluang yang lebih cerah di peringkat antarabangsa, beliau memutuskan menyertai Korea Selatan berbanding Jerman.



*Gambaran Artis

**MILIKI RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT
DI ARA DAMANSARA DENGAN
7% DISKAUN BUMIPUTERA**

Pegangan Kekal. Hanya 4 Unit Terakhir.

Keunikan Produk :

- ⌘ Harga daripada **RM3.8 juta***
- ⌘ Susun atur **sesuai untuk pelbagai generasi**
- ⌘ Keluasan sehingga **5,112 kaki persegi**
- ⌘ **6+2 bilik tidur**
- ⌘ Konsep berpotensi untuk **dwi-kunci dan ruang atas bumbung** yang fleksibel

Hubungi:

03 7849 5511

(Galeri Jualan Ara Damansara)

ARA
DAMANSARA



*Tertakluk pada Terma dan Syarat

Sime Darby Property Berhad (197301002148)

Susunan oleh FAIZ DANIAL

Teknologi bola sentiasa menjadi tumpuan dalam kejohanan besar bola sepak khususnya Piala Dunia. Lazimnya, penaja bola kejohanan akan tampil dengan teknologi baharu untuk meningkatkan lagi kualiti permainan selain reka bentuk yang menjadi identiti kejohanan.

Adidas yang memonopoli tugas membekal bola rasmi semua kejohanan bawah Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) sejak 1970 dan Piala Eropah tidak pernah sunyi menerima kritikan daripada pelbagai peringkat mengenai kualiti bola yang dihasilkan sekalipun melalui tempoh kajian yang panjang.

Dalam sejarah Piala Dunia, Telstar dianggap antara bola paling ikonik yang digunakan di Mexico pada edisi 1970.

Bagaimanapun, perubahan teknologi dalam bola sepak bukan sahaja membawa pembaharuan, tetapi juga boleh mencetuskan perdebatan apabila ia memberi kesan kepada prestasi pemain di padang.

Evolusi bola Piala Dunia



Jabulani

Jabulani menjadi bola rasmi Piala Dunia 2010 di Afrika Selatan. Ia dianggap antara bola yang paling kontroversi dan sukar dikawal dalam sejarah Piala Dunia.

Bola yang ringan dan tidak stabil itu menyebabkan pergerakannya sukar diramal. Ia boleh terbang terus ke udara namun secara tiba-tiba mampu menukar arah sama ada melambung tinggi, singgah ke tiang gol atau terus menerjah jaring.



Meski disepak dengan daya yang rendah, bola ini juga mampu mengelirukan penjaga gol yang sentiasa tewas dengan pergerakan nakalnya di udara.

Penyerang Uruguay, Diego Forlan bertindak lebih bijak apabila meminta

Adidas menghantar bola Jabulani kepadanya, tiga bulan sebelum kejohanan bermula.

Latihan awal itu membolehkannya mengawal pergerakan bola dengan lebih baik dan menumpukan daya sepakan sesuai ke arah gawang gol lawan.

Hasilnya, beliau dipilih sebagai pemain terbaik kejohanan dan menjarangkan lima gol selain membantu Uruguay ke separuh akhir Piala Dunia selepas 40 tahun.

Teamgeist

Reka bentuk dan pegerakan bola Teamgeist yang digunakan dalam edisi Piala Dunia di Jerman pada 2006 disifatkan seperti pelancar roket.

Segalanya dapat dilihat bermula dengan jaringan pertama Jerman menerusi Philipp Lahm hasil sepakan lencong yang menerjah bucu kiri gawang Costa Rica seawal minit keenam dalam perlawanan pembukaan kejohanan.

Pergerakan bola yang stabil juga menyaksikan beberapa jaringan dihasilkan dari luar kotak penalti.

Kelajuan Teamgeist ini sebenarnya lebih mesra penyerang berbanding penjaga gol yang menganggap arah pergerakannya sukar dikawal meski permukaan luarnya lebih lembut.



Brazuca

Bola yang digunakan di Brazil pada 2014 disifatkan antara bola terbaik yang pernah dihasilkan Adidas selepas beberapa siri kejohanan Piala Dunia sebelum ini.

Brazuca menampilkan ciri lengkap seperti dimahukan pemain profesional di peringkat tertinggi dalam aspek pergerakan, kawalan dan kelajuan.

Tindak balas yang pantas dalam rekaan bola ini lebih konsisten sama ada pemain membuat sepakan, rembatan atau kawalan pertama.

Bola yang stabil ini membolehkan

pemain lebih santai dan seronok membuat percubaan jarak jauh atau mengambil sepakan percuma.

Al Rihla

Al Rihla meneruskan evolusi moden penghasilan bola kejohanan untuk Piala Dunia pada 2022.

Bola rasmi kejohanan di Qatar ini bergerak lebih pantas dan konsisten dalam aspek layangan di udara selain mudah dikawal dalam apa juga situasi.

Al Rihla turut memperkenalkan teknologi bola bersambung atau connected ball technology yang membantu sistem bantuan pengadil video (VAR) terutama dalam keputusan *offside*.

Reka bentuk yang mengikut piawaian itu juga membolehkan penjaga gol membaca pergerakan bola dengan lebih mudah.



Trionda

Bola rasmi untuk kejohanan di Amerika Syarikat, Mexico dan Kanada ini tampil dengan inovasi baharu hasil gabungan teknologi yang ditambah baik selepas penghasilan Barzuca dan Al Rihla.

Trionda disifatkan sebagai bola yang hampir sempurna untuk sukan ini seiring perkembangan teknologi semasa di samping memberi identiti kepada tiga negara penganjur.

Ia menggunakan teknologi pengesan gerakan 500Hz yang menghantar data pergerakan bola secara masa nyata kepada sistem VAR bagi membantu pengadil membuat keputusan dengan lebih tepat, termasuk situasi *offside*.



Sumber: FIFA.com, Adidas.com & unisportstore.com

NOVA
BUSINESS HUB
SUNGAI BULOH

Kedai Pejabat 3 Tingkat

60'x130' | Keluasan binaan daripada **5,908kps**

Unit Bumiputera Dibuka Untuk Jualan
10% Bumiputera Diskaun

Hak milik individu

Rekaan siling 2 tingkat (setinggi 5m)

Jalan akses lebar 66 kaki

Keupayaan beban lantai sehingga 7.5kN/m²

Lif peribadi

Nova Business Hub
Sungai Buloh (Lokasi Projek)

1700 82 5300
novabusinesshub.com.my

MALTON

Malton Berhad malton.com.my

Imbas untuk maklumat lanjut

RENTAK SEJATI SDN BHD (Reg. No. 200101004169)

Misteri trofi Jules Rimet

Susunan oleh FAIZ DANIAL

Menjulung Piala Dunia menjadi idaman semua pemain bola sepak profesional yang dipanggil mewakili negara tercinta. Demi lencana di dada, kekuatan mental dan semangat juang yang tinggi pastinya menjadi motivasi terbaik untuk melangkah ke pentas akhir.

Trofi Piala Dunia moden yang dibuat menggunakan emas padu 18 karat dengan tinggi 36.8 sentimeter dan berat 6.175 kilogram menjadi buruan. Trofi itu sebenarnya piala ketiga yang diperkenalkan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) sejak kejohanan pertama pada 1930.

Trofi asal Piala Dunia dikenali sebagai Victory sebelum dinamakan semula sebagai Jules Rimet Trophy pada 1946 sebagai penghargaan kepada presiden FIFA ketika itu, Jules Rimet.

Jules Rimet dianggap tokoh penting dalam sejarah bola sepak dunia kerana memainkan peranan besar dalam mewujudkan kejohanan Piala Dunia FIFA yang pertama kali dianjurkan di Uruguay pada 1930.

Trofi Jules Rimet direka oleh pengukir Perancis, Abel Lafleur, dengan reka bentuk figura Nike iaitu dewi kemenangan dalam mitologi Greek.

Ia digunakan dalam kejohanan Piala Dunia dari 1930 hingga 1970 dan menjadi simbol utama kejayaan bola sepak dunia ketika era awal kejohanan tersebut.

Antara kisah paling menarik mengenai trofi berkenaan ialah insiden kecurian di England pada 1966, beberapa bulan sebelum kejohanan Piala Dunia berlangsung.

Trofi itu dicuri ketika dipamerkan di Westminster Central Hall, London, namun ditemui semula oleh seekor anjing bernama Pickles di kawasan semak di selatan London.

Kisah Pickles menjadi antara cerita paling unik dalam sejarah Piala Dunia kerana seekor anjing secara tidak langsung menjadi penyelamat kepada simbol paling berharga dalam bola sepak dunia.

Pada 1970, Brazil diberikan hak menyimpan trofi Jules Rimet secara kekal selepas muncul negara pertama memenangi Piala Dunia sebanyak tiga kali.

Namun, trofi tersebut sekali lagi dicuri pada 1983 di Brazil dan tidak



pernah ditemui semula sehingga hari ini.

Kehilangan trofi Jules Rimet menjadikan sejarah trofi Piala Dunia lebih misteri kerana ada dakwaan ia telah dileburkan, namun sehingga kini perkara berkenaan tidak dapat dipastikan sepenuhnya.

Selepas Brazil memiliki trofi Jules Rimet secara kekal pada 1970, FIFA memperkenalkan trofi baharu yang dikenali sebagai FIFA World Cup Trophy bermula edisi 1974.

Jerman (ketika itu Jerman Barat) yang menjadi tuan rumah edisi berkenaan muncul pasukan pertama menjulang trofi baharu menewaskan Belanda 2-1 dalam perlawanan akhir.

Trofi moden itu direka oleh pengukir Itali, Silvio Gazzaniga, dan menampilkan dua figura manusia mengangkat bumi sebagai simbol kejayaan, perpaduan dan kemegahan bola sepak dunia.

Berbeza dengan Jules Rimet Trophy, trofi Piala Dunia moden tidak lagi diberikan secara kekal kepada negara pemenang.

Sebaliknya, pemenang hanya menerima trofi sebenar ketika upacara penyampaian sebelum ia dikembalikan kepada FIFA, manakala negara juara diberikan replika untuk disimpan.

JUARA PIALA DUNIA

<ul style="list-style-type: none"> - 2022: Argentina - 2018: Perancis - 2014: Jerman - 2010: Sepanyol - 2006: Itali - 2002: Brazil - 1998: Perancis - 1994: Brazil - 1990: Jerman - 1986: Argentina - 1982: Itali 	<ul style="list-style-type: none"> - 1978: Argentina - 1974: Jerman - 1970: Brazil - 1966: England - 1962: Brazil - 1958: Brazil - 1954: Jerman - 1950: Uruguay - 1938: Itali - 1934: Itali - 1930: Uruguay
--	--

JUMLAH GELARAN:

	5 kali: Brazil	
	4 kali: Jerman, Itali	
	3 kali: Argentina	
	2 kali: Perancis, Uruguay	
	1 kali: England, Sepanyol	

Kediaman Ideal Untuk Keluarga Moden

Direka untuk kehidupan moden, pilihan kediaman yang luas dan selesa amat sesuai untuk gaya kehidupan masa kini. Kesemuanya terletak di perbandaran yang matang 16 Sierra.

- Unit terhad • Berdekatan stesen MRT 16 Sierra (MRT Laluan 2)
- Berhampiran Rafflesia International & Private Schools • Dekat dengan pusat komersial dengan kedai makanan dan barangan keperluan harian

	<p>Aster (Rumah Teres 2 Tingkat) 20' x 75' Daripada RM1.34 juta* Siap dibina</p>
	<p>Oakleaf (Rumah Bandar 3 Tingkat) 26' x 75' Daripada RM968 ribu*</p>
	<p>Burwood (Rumah Berkembar 2 Tingkat) 32' x 75' Daripada RM1.82 juta*</p>

*Selepas 7% diskaun Bumiputera

IOI PROPERTIES
Trusted.

Pemaju:
Lush Development Sdn Bhd
199501019432 (348635-D)
(Anak Syarikat IOI Properties Group Berhad)

Pejabat Jualan & Pemasaran:
IOI Galleria @ 16 Sierra
Sierra Alfresco, Jalan Sierra 10/1,
Bandar 16 Sierra
47110 Puchong, Selangor D.E.

SIERRA 5B • Jenis Hartanah: Rumah Bandar 3 Tingkat • No. Lesen Pemaju: 11100/02-2028/0384(R) • Tempoh Sah: 28/2/2023 - 27/2/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11100-14/04-2027/0318(N)-S • Tempoh Sah: 17/4/2024 - 16/4/2027 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Sepang • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSEpang 600-34/1/178(12) • Tarikh Dijangka Siap: April 2026 • Hak Milik Tanah: Pajak 99 Tahun (Sah Sehingga: 29/01/2123) • Bebanan Tanah: Tiada • Jumlah Unit: 272 unit • Harga: RM1,041,000 (Min.) - RM1,211,000 (Maks.)

SIERRA 7A • Jenis Hartanah: Rumah Kluster Berkembar / Berkembar 2 Tingkat • No. Lesen Pemaju: 11100/02-2028/0384(R) • Tempoh Sah: 28/02/2023 - 27/02/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11100-16/12-2027/1038(N)-L • Tempoh Sah: 24/12/2025 - 23/12/2027 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Sepang • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSEpang 600-34/1/231 (7) • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2027 • Hak Milik Tanah: Pajak 99 Tahun (Sah Sehingga: 12/11/2124) • Bebanan Tanah: Tiada • Jumlah Unit: 102 unit • Harga: RM1,953,000 (Min.) - RM3,307,000 (Maks.) • 7% Diskaun Bumiputera • Segala maklumat yang terkandung di sini termasuk ukuran dan ilustrasi adalah tertakluk pada pindaan tanpa notis seperti mana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa atau perunding pemaju dan tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada satu tawaran atau kontrak. Segala ukuran adalah anggaran sahaja. Segala ilustrasi adalah tanggapan pelukis sahaja.

16 SIERRA
@ Puchong South

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA. MAKLUMAT PEMAJUAN BOLEH DISEMAK MELALUI PORTAL TEDUH.KPKT.GOV.MY



MERIAH... EXCO Sukan Najwan Halimi (tiga, kiri) bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin (tengah) dalam Majlis Pelancaran Lagu Dan Nama Maskot Sempena Sukan Malaysia Selangor 2026 dan Larian Obor Peringkat Majlis Perbandaran Kuala Selangor di Dataran Malawati Kuala Selangor pada 6 Jun. Foto HARUN TAJUDIN

Cadang himpun penggiat dalam program khusus

Acara buku alternatif makin berkurangan

Oleh AIDA NYAN

KUALA LUMPUR - Penerbit dan penulis buku alternatif berharap mereka diberi platform khas untuk mengadakan acara perbukuan seterusnya meluaskan capaian terhadap pembaca sasaran.

Menurut Penerbit Rabak-Lit, Izzat Amir, kekurangan wadah untuk buku alternatif atau disebut sebagai indie antara faktor yang menyukarkan mereka menarik perhatian khalayak baharu.

"Dulu kita ada satu platform khas, banyak sebenarnya. Tapi sekarang ini mungkin berkurangan. Jadi penerbit alternatif memerlukan semula platform ini untuk maju ke depan.

"Ia bukan tentang hal independent (mandiri), mengecil, berkembang menjadi mainstream (arus perdana) tetapi ia tentang genre itu sendiri," katanya kepada Media Selangor.

Beliau percaya perkembangan buku alternatif perlu diteruskan kerana ia menawarkan perspektif berbeza kepada pembaca dan bukannya bersaing untuk menjadi penerbit arus perdana.

Katanya, penerimaan terhadap karya sedemikian juga sedikit menurun saban tahun ekoran kecende-

rungan masyarakat kebelakangan ini terhadap bahan tular di media sosial.

"Jadi, itu mungkin cabaran yang alternatif belum mampu nak buat lagi sekarang ini. Mungkin kita boleh buat sesuatu berbeza untuk dapat seperti penerbit lain boleh berikan," katanya.

Justeru, Izzat berhasrat pesta buku yang menghimpunkan kelompok penggiat buku alternatif dikembalikan semula dan dijalankan berasingan dengan penerbitan arus perdana.

"Ada pesta buku alternatif tapi saya lihat sudah diambil alih persatuan buku yang dimasukkan dengan penerbitan arus perdana. Maksudnya, alternatif tak ada satu platform khas," katanya.

Buku alternatif merujuk karya yang mengetengah tema, gaya dan sudut pandang berbeza daripada penerbitan arus perdana. Sebahagian besar penerbitan dibuat dalam skala kecil tetapi bebas.

Program yang pernah menghimpunkan penggiat penerbitan alternatif antaranya Rantai Art dan Kuala Lumpur Alternative Bookfest (KLAB).

Penulis Fazleena Hashim pula berpandangan identiti buku alternatif perlu dipertahankan meskipun kebanyakan penggiat dalam industri buku cenderung bergerak ke arah penerbitan komersial.

Beliau percaya usaha merencanakan semula buku alternatif boleh dibuat melalui penganjuran pesta buku khas yang memberi tumpuan kepada kelompok penerbit dan pengkarya alternatif.

"Rantai Art pun sudah kurang, orang macam tak peduli sangat sedangkan itu perintis kepada gerakan indie. Mungkin (ada) cara kita boleh kembalikan balik buku dan gerakan ini dengan platform yang betul.

"Untuk pesta buku besar seperti PBAKL (Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur), agak susah sikit sebab memang dia bersaing dengan penerbitan gergasi. Jadi payahlah kalau orang nak tumpu kepada indie," katanya.

Menurut Fazleena, pendekatan baharu juga diperlukan untuk memperkenalkan semula gerakan alternatif kepada generasi muda yang kurang terdedah kepada platform penerbitan bebas.

Namun, beliau percaya penggiat industri perlu menyesuaikan strategi pemasaran dan penganjuran program mengikut kehendak semasa tanpa mengorbankan identiti asal gerakan tersebut.

"Saya faham kerisauan penggiat indie. Tetapi kita juga harus akur dengan kehendak sekarang. Dari segi pemasaran, acara dan sebagainya. Kita harus sesuaikan dengan kehendak sekarang," katanya.